

10 MAR 1996

Iran-Lawatan (Dengan Gambar)

IRAN PELAWA DR MAHATHIR HADIR PELANCARAN RANGKAIAN KERETAPI

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Iran Dr Ali Akbar Velayati tiba di sini malam ini untuk lawatan rasmi dua hari.

Ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini, disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad.

Esok, beliau dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menemui rakan sejawatannya Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas ketibaannya, Velayati berkata beliau akan menyampaikan pesanan Presiden Akbar Hashemi Rafsanjani yang menjemput Perdana Menteri menghadiri majlis perasmian rangkaian keretapi antara Iran dan Turkmenistan yang dijadualkan Mei ini.

Manakala dalam pertemuannya dengan Abdullah, beliau berkata mereka akan membincangkan hubungan dan kerjasama dua hala serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

Antara isu penting bagi kedua-dua negara ialah membangunkan semula Bosnia Herzegovina, katanya.

Velayati berkata pertemuan beberapa negara Islam yang dipilih membantu menggerakkan semula Bosnia Herzegovina akan diadakan di Islamabad, Pakistan mulai esok. Kumpulan bantuan itu ditubuhkan di sini September lepas pada mesyuarat menteri-menteri pertahanan dan menteri-menteri dari negara-negara yang menganggotai Kumpulan Penghubung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai Bosnia.

"Negara-negara Islam berkenaan sedang memikirkan mengenai pembangunan semula Bosnia (selepas peperangan tamat di sana)," katanya yang diiringi oleh tujuh anggota rombongan.

Mengenai rangkaian keretapi itu, Velayati berkata ia akan menghubungkan rangkaian keretapi Iran ke Turkmenistan.

Ia akan memendekkan perjalanan ke negara-negara Asia Tengah dan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS) ke Teluk Parsi.

Velayati berharap rangkaian itu akan meningkatkan hubungan rantau ke rantau antara Asean dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO).

"Setahun lepas, kami menyiapkan sebahagian daripada rangkaian ini yang menghubungkan keretapi kami ke Teluk Parsi dan tahun ini kami akan menghubungkan bahagian utara keretapi ke Asia Tengah," katanya. -- BERNAMA

AZZ NAK